

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HKN 307 – Kesusasteraan Nusantara II: Aspek Teori dan Kritikan

Masa: [3 jam]

KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI **ENAM** [6] SOALAN DI DALAM **TIGA** [3] HALAMAN.

Jawab **TIGA** [3] soalan sahaja.

1. *Pendeknya dari dahulu sampai sekarang sunyi bahasa Melayu itu daripada perbendaharaan ya'ni menyimpan akan mutiara fikiran-fikiran yang besar-besar dan tinggi-tinggi pada segala pembacaannya; tiada kitab-kitab yang terisi di dalamnya siasat yang dalam-dalam atau bekas-bekas pendapat pengarang-pengarang yang tinggi-tinggi fikirannya, dan tiada kitab-kitab cerita atau tarikh yang boleh jadi tauladan atau akan tempat mengambil pengajaran dan iktibar. Bahkan orang-orang Melayu hanyalah semenjak sepuluh tahun ini sahaja baharu mendengar perkataan Tarikh dengan makna "History" dan mengerti akan makna dan tujuannya. Dahulu daripada ini tiap-tiap cerita atau hikayat dewa mambang dan sebagainya disangkanya benar belaka (**Renongan**, 1964: 62-73)*

Hurai dan bincangkan pernyataan di atas di dalam persekitaran pengaruh "ilmu pengetahuan" dan hegemoni budaya Barat di Tanah Melayu pada abad ke-19/20. Sejauhmanakah pernyataan tersebut mencerminkan era "Pencerahan Timur" dan proses "pemodenan" yang melanda dunia Timur pada zaman tersebut?

2. *Setiap wacana tidak terujar bebas daripada naungan ideologi pengucapannya dan strategi penulisannya (Lerner). Setiap wacana hadir dalam situasi sejarah dan realiti sosial yang khas.*

Berdasarkan fahaman di atas, bincangkan pembentukan naratif Barat tentang budaya Melayu (terutama hasil kesusasteraan) dalam konteks “ideologi”, “strategi penulisan” dan “realiti sosial” pada zaman kolonial dan pasca-kolonial.

3. Sistem konvensi sastera menentukan kemungkinan pengenalan (identifikasi) dan pemberian makna pada karya-karya sastera. Dengan merujuk kepada ciri-ciri khas sastera moden, bincangkan mengapakah penguasaan konvensi sastera masih belum menjamin ketrampilan susastera (*literary competence*) seseorang pembaca sehinggakan bacaan menjadi satu aktiviti yang penuh dengan risiko.
4. Puisi “Berdiri Aku” (oleh Amir Hamzah, di bawah) dapat dikatakan “mewujudkan secara puitik norma estetik Melayu klasik dengan cukup representatif” (A. Teeuw).

Huraikan “norma estetik Melayu klasik” tersebut dan perlihatkan dengan contoh-contoh, bagaimana melalui pembacaan intertekstual (Riffaterre), Teeuw dapat mengetengahkan dasar-dasar estetika Melayu klasik ini dalam puisi tersebut.

Berdiri Aku
(Amir Hamzah)

*Berdiri aku di senja senyap
Camar melayang menepis buih
Melayah bakau mengurai puncak
Berjuang datang obor terkembang
Angin pulang menyejuk bumi
Menepuk teluk mengempas emas
Lari ke gunung memuncak sunyi
Berayun-ayun di atas alas
Benang raja mencelup hujung
Naik marak menyerak corak
Helang leka sayap tergulung
Dimabuk warna berarak-arak
Dalam rupa maha sempurna
Rindu-sendu mengharu kalbu
Ingin datang merasa sentosa
Mengecap hidup bertentu tuju.*

../3-

5. “To give a text an Author is to impose a limit on that text, to furnish it with a final signified, to close the writing.” (Barthes).

Huraikan pernyataan tersebut dengan merujuk kepada idea strukturalis tentang teks sastra. Bincangkan implikasi pandangan ini ke atas peranan pembaca sebagai penafsir makna; dan seterusnya kerana penafiannya terhadap kesejarahan penafsiran, bincangkan keterbatasannya untuk membaca karya-karya lama.

6. Baca sajak di bawah:

Amuk
(oleh Sutardji Calzoum Bachri)

*Ngiau, Kucing dalam darah dia menderas lewat dia mengelir ngilu
ngiau dia beegas lewat dalam aortaku dalamrimbadarahku dia
besar dia bukan harimau bukan singa bukan hiena bukan leopar
dia macam kucing bukan kucing tapi kucing ngiau dia
lapar dia merambah rimba afrikaku dengan cakarnya dengan amuknya dia
meraung dia mengerang jangan beri daging dia tak mau daging
jesus! jangan beri roti dia tak mau roti ngiau.*

Sajak di atas memperlihatkan ciri-ciri penyimpangan dalam sastra moden yakni apa yang disebut sebagai: defamiliarisasi, deotomatisasi (Shklovsky). Dengan berpandukan sajak di atas, huraikan ciri-ciri tersebut dalam konteks estetika pertentangan (Lotman). Berdasarkan proses bacaan yang disebut oleh Culler sebagai “naturalisation” jelaskan bagaimana sajak tersebut dapat difahami.